



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELARASAN GRED PEGAWAI PERUBATAN KONTRAK GRED UD41 KE GRED UD43 DAN PEGAWAI PERGIGIAN KONTRAK GRED UG41 KE GRED UG44 BERASASKAN KESETARAAN LALUAN KERJAYA PEGAWAI TETAP

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan berikutan telah meluluskan permohonan untuk melaraskan gred Pegawai Perubatan kontrak Gred UD41 ke Gred UD43 dan Pegawai Pergigian kontrak Gred UG41 ke Gred UG44 berasaskan kesetaraan laluan kerjaya pegawai tetap.

Selaras dengan kelulusan mengenai prinsip pelaksanaan urusan ini oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 21 Januari 2021 dan kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan Malaysia serta persetujuan pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 24 Februari 2021, pelarasan gred ini akan ditawarkan menerusi sistem *e-housemen* dan *e-dentist* bermula pada 25 Februari 2021.

Pelarasan gred ini akan melibatkan sejumlah **21,408** Pegawai Perubatan, manakala, bagi Pegawai Pergigian pula, akan melibatkan sejumlah **697** pegawai. Notifikasi mengenai tawaran ini akan dikemukakan kepada pegawai yang berkenaan menerusi emel masing-masing.

Dengan pelarasan gred ini, diharapkan agar pegawai dapat meningkatkan lagi motivasi dan komitmen masing-masing untuk melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang termasuklah turut bersama dalam membendung dan menangani pandemik COVID-19.

KKM juga mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam pada 4 Februari 2021 dan Kementerian Kewangan Malaysia pada 10 Februari 2021 telah meluluskan permohonan untuk menyambung perkhidmatan kontrak seramai **585** Pegawai Perubatan, **1,071** Pegawai Pergigian dan **1,966** Pegawai Farmasi. Notifikasi mengenai tawaran ini juga akan dikemukakan kepada pegawai yang berkenaan menerusi emel masing-masing.

Sekian, dimaklumkan.

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

25 Februari 2021